

**Pendirian Malaysia Mengenai Keselamatan Siber Tarik Perhatian Perwakilan Di Petersburg**  
**Bernama**  
**8 Ogos, 2012**  
**Daripada Voon Miao Ping**

ST PETERSBURG (RUSIA), 8 Ogos (Bernama) -- Pendirian Malaysia berhubung isu keselamatan siber dan perlunya langkah penguatkuasaan dipertingkat untuk melindungi kedaulatan negara serta keselamatan rakyat pada Mesyuarat Peringkat Menteri Telekomunikasi dan Penerangan APEC (Telmin-9), menarik perhatian ramai anggota perwakilan.

Menteri Komunikasi dan Media Massa Rusia Nikolay Nikiforov berkata isu yang disuarakan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim pada mesyuarat itu semalam, amat tepat dengan masanya.

Pada sidang akhbar bersama peringkat menteri selepas berakhirnya mesyuarat dua hari itu di sini, Nikiforov, yang juga pengerusi Telmin-9, berkata ancaman siber bukan saja menjejaskan aspek sosial sesebuah masyarakat, tetapi juga persekitaran perniagaan sesebuah negara.

Oleh itu, kata beliau, anggota APEC perlu bekerjasama untuk menangani perkara ini.

"Satu arah tuju yang sekata berkaitan ICT perlu wujud dalam APEC untuk menjadi platform penting bagi pembangunan dan kemakmuran ekonomi kita," katanya.

Semalam, Rais menyeru masyarakat global supaya meningkatkan daya tahan mereka dan terus melaksanakan program penguatkuasaan undang-undang bagi memerangi jenayah di ruang siber.

Pada sidang akhbar Rabu, beliau berkata ancaman siber terhadap kedaulatan negara dan keselamatan orang ramai tidak boleh dipandang ringan.

"Ramai daripada kita menganggap ICT dan ruang siber mewujudkan dunia tanpa batasan dan sempadan.

"Bagaimanapun, pada waktu yang sama, kita perlu menerima hakikat bahawa keselamatan siber bagi setiap negara dalam memenuhi keperluan domestik, perlu juga dipelihara," kata Rais.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar anggota APEC sama-sama menyelami isu itu secara lebih mendalam untuk mencari formula untuk menanganinya.

"Ini suatu bidang, yang saya percaya, patut kita sama-sama bekerja rapat dan akhirnya memberi cadangan agar masyarakat dan kedaulatan negara kita dapat dilindungi," katanya.

Rais berkata walaupun anggota APEC mungkin mempunyai pandangan berbeza tentang perkara ini, namun usaha melindungi rakyat daripada jenayah siber, perlu dijadikan keutamaan.

"Apabila kita bercakap tentang keselamatan siber, kita perlu mengambil kira kekangan domestik yang kita hadapi dalam menyediakan kebebasan demikian, iaitu sesuatu tindakan yang dianggap merupakan suatu jenayah apabila dilakukan di luar ruang siber, perlu juga dianggap sebagai suatu jenayah apabila dilakukan di dalam sistem ruang siber," katanya.

Jika tidak, tegas beliau, undang-undang dan peraturan yang melingkungi penggunaan ICT akan dianggap tidak mempunyai makna.

Bercakap kepada Bernama, Rais berkata apabila melaksanakan undang-undang ICT, ia tidak bermakna kerajaan cuba mengawal dan menapis kandungan Internet, tetapi sebenarnya ia bertujuan untuk menjaga keselamatan domestik negara.

"Keselamatan negara amat penting; masa depan tidak lagi boleh dianggap hanya melibatkan penggunaan senjata M16 atau bom tangan.

"Apa yang akan menjadi isu ialah mereka akan memusnahkan sistem negara melalui Internet dan ini perlu dilihat sebagai sesuatu yang berpotensi untuk mencetuskan masalah besar," katanya.

Terdahulu, para pemimpin Telmin-9 sebulat suara menerima pakai Deklarasi St Petersburg.

Deklarasi 37 perkara itu bertemakan "Membina Keyakinan dan Keselamatan Dalam Penggunaan ICT Untuk Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi dan Kemakmuran".

Ia memfokuskan lima bidang utama iaitu Memajukan ICT Untuk Memupuk Pertumbuhan Baru, Memperkasa Kegiatan Sosioekonomi Melalui Penggunaan ICT, Membina Persekitaran Selamat dan Boleh Dipercayai, Memupuk Integrasi Ekonomi Serantau dan Mengukuhkan Kerjasama Dalam Sektor ICT.

Antara pencapaian penting mesyuarat ini ialah para pemimpin sependapat bahawa semua pemegang kepentingan di rantau APEC perlu bekerjasama untuk memupuk integriti dan ketahanan rangkaian, mengambil kira ancaman sedia ada dan yang bakal dihadapi dalam bidang ICT serta mengambil langkah untuk meningkatkan keselamatan ICT.

Bagi mencapai matlamat berhubung capaian jalur lebar melalui ICT seperti yang terkandung dalam Deklarasi Bangkok 2008, para anggota perwakilan juga bersetuju untuk menggalakkan negara anggota berusaha ke arah mewujudkan capaian sewajarnya serta berkualiti terhadap jalur lebar di rantau APEC menjelang 2015.

Anggota perwakilan Telmin-9 juga mengakui bahawa kumpulan rentan, terutama kanak-kanak dan anak muda amat terdedah kepada ancaman daripada komuniti dalam talian dan oleh itu, setiap anggota APEC perlu melaksanakan strategi untuk memerangi ancaman ini.

Hasil mesyuarat ini akan dibentangkan pada Sidang Kemuncak Pemimpin Ekonomi APEC ke-20 dan Mesyuarat Peringkat Menteri APEC ke-24 di Vladivostok bulan depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686681>